KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PBN(Ked) 400-018/16 Jilid 3(6)
Tarikh : 2 Februari 2026

**SEMUA PENGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN**
**NEGERI KEDAH DARULAMAN**

YB. Dato' Seri / S.S. Dato' Paduka / Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja / Dato' Paduka / YB. Dato' Wira / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PENGEMASKINIAN BILANGAN ANAK BAGI POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) DI BORANG KEW.8 – MODUL GAJI SISTEM iSPEKS**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa hasil semakan pentadbiran ini, mendapati terdapat Jabatan/PTJ yang melakukan kesilapan menginput bilangan anak di Borang Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai **(Kew.8- Pin.1096)**. Jabatan/PTJ didapati **menginput bilangan anak berdasarkan bilangan pengecualian cukai dan bukan bilangan anak sebenar**.

3. Untuk makluman, kesan kesilapan ini mengakibatkan amaun Potongan Cukai Berjadual (PCB) pegawai terkurang potong daripada potongan yang sebenar dan akan mengakibatkan PCB pegawai tidak mematuhi ketetapan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

4. Sehubungan itu, pihak Jabatan/PTJ adalah dikehendaki membuat semakan dan pembetulan input bilangan anak di Borang Kew.8 berdasarkan bilangan anak sebenar yang layak, selaras dengan ketetapan LHDN. Jabatan/PTJ perlu membuat semakan dan pembetulan jika perlu di Modul Gaji Sistem iSPEKS, Skrin Proses Kew. 8 seperti **dilampiran**.

5. Kerjasama dari pihak Jabatan/PTJ amat diperlukan bagi memastikan ketepatan maklumat PCB dan mengelakkan sebarang isu berkaitan pematuhan **Akta Cukai Pendapatan 1967.**

Ruj. Kami : PBN(Ked) 400-018/16 Jilid 3(6)

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh hubungi **Unit Emolumen dan Bayaran Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Kedah (PKPK).**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA'**
**"THE GREATER KEDAH"**

Saya yang menjalankan Amanah,

**(ABDUL MAJID BIN SALLEH., AMK., C.A(M)., CPA(M))**
Bendahari Negeri Kedah
b.p YB Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN

# Modul Gaji > Penyediaan Maklumat Gaji > Kew.8




